

KOPERASI SETIA MALAYSIA BERHAD

(Koop Nasional No : 17)
(DiDaftarkan Tahun 1994)



Minit Mesyuarat Agung Tahunan Ke- 22

TARIKH : 26 Ogos 2016

MASA : 8.30 malam

**TEMPAT : Bilik Seminar
Bangunan Persatuan
Alumini Universiti Malaya
Kuala Lumpur**

No A-Go1, Blok A, Perdana Kondominium, Jalan PJU 8/1
Bandar Damansara Perdana
47820 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan

KOPERASI SETIA MALAYSIA BERHAD

(DIDAFTARKAN TAHUN 1994)



MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE-22

Tarikh : 26 Ogos 2016 (Jumaat)
Masa : 8.30 malam
Tempat : Bilik Seminar
Bangunan Persatuan Alumini Universiti
Malaya
Kuala Lumpur

1. **Agenda 1 - Kehadiran dan Perlantikan Pengerusi Mesyuarat**
 - 1.1 Mesyuarat Agung Tahunan Koperasi Setia Malaysia Berhad (Kopsetia) kali ke 22 dihadiri oleh seramai 33 orang. Senarai penuh kehadiran adalah seperti **Lampiran 1**.
 - 1.2 Setiausaha Koperasi memulakan mesyuarat dengan bacaan doa. Mesyuarat mencadangkan supaya Tan Sri Dr. Zulkurnain Hj Awang dilantik sebagai Pengerusi Mesyuarat dan telah diterima sebulat suara.
2. **Agenda 2 - Menerima Agenda Tentatif Serta Melantik 6 Orang Anggota Untuk Menduduki Jawatankuasa Menentukan Minit Mesyuarat Agung Ke 22 Bersama 4 Orang Yang Mewakili Anggota Lembaga Koperasi (ALK)**
 - 2.1 Agenda Tentatif telah terima sebulat suara setelah mendapat cadangan dan sokongan Dato' Haji Abdullah bin Bakri dan Encik John Patrick Antonysamy.
 - 2.2 Mesyuarat bersetuju menerima perlantikan anggota seperti berikut:
 - (i) Dato' Dr. Mohd. Zin bin Mohamed;
 - (ii) Hj Shaari bin Mat Isa;
 - (iii) Dato' Yahya bin Hj. Awang;
 - (iv) Nik Mohamad bin Nik Daud;
 - (v) Dato Hj. Abdullah Haji Bakri; dan
 - (vi) Datuk Dr. John Antony Xavier
 - 2.3 Mesyuarat bersetuju sebulat suara menyerahkan kepada ALK untuk melantik wakil-wakilnya ke dalam Jawatankuasa tersebut dan melantik mana-mana anggota lain bagi menggantikan mana-mana anggota yang dinamakan pada perenggan 2.2. di atas sekiranya didapati terdapat diantaranya tidak layak menduduki Jawatankuasa berkenaan.

3. **Agenda 3 - Ucapan Pengerusi**

- 3.1 Tan Sri Johari Mat, Pengerusi Koperasi mengucapkan selamat datang dan salam sejahtera kepada semua anggota yang dapat hadir ke Mesyuarat Agung Tahunan Ke 22 Koperasi Setia (Malaysia) Berhad.
- 3.2 Beliau menarik perhatian bahawa Kopsetia sudahpun mencapai usia 22 tahun namun tiada pertambahan ketara dalam jumlah keanggotaannya. Setakat ini, jumlah anggota adalah seramai 309 orang.
- 3.3 Beliau memaklumkan bahawa beberapa usaha telah dijalankan untuk meningkatkan jumlah keanggotaan Kopsetia tetapi tidak berkesan; besar kemungkinan disebabkan pada masa ini Kopsetia tidak mempunyai banyak projek. Walau bagaimanapun, Pengerusi memaklumkan bahawa kedudukan jumlah anggota Kopsetia pada masa ini tidak memberi masalah kerana berpadanan dengan jumlah atau nilai projek yang sedang dijalankan. Sekiranya kelak Kopsetia berhasil mendapat beberapa projek baru, minat anggota PTD lain untuk menyertai Koperasi mungkin berubah.
- 3.4 Beliau seterusnya memaklumkan bahawa kepimpinan Kopsetia juga perlu diambilalih oleh Pegawai PTD yang lebih muda. Namun, atas sebab yang sama, tiada yang menunjukkan minat pada masa ini dan mungkin kedudukan sedemikian boleh diubah sekiranya Kopsetia mendapat peluang untuk menjalankan projek besar.
- 3.5 Beliau menegaskan Kopsetia sentiasa berhati-hati dan berhemah apabila membuat sesuatu keputusan berkaitan dengan pelaburan hartanah dan saham yang mana kedua-duanya merupakan sumber pendapatan Kopsetia. Berdasarkan prinsip ini, kedudukan kewangan Kopsetia sentiasa baik dan mampu untuk membayar tunai kepada anggota yang memohon berhenti atas apa jua sebab peribadi atau meninggal dunia. Kemampuan kewangan Kopsetia adalah dianggarkan pada nilai 1:4, dengan demikian anggota-anggota tidak perlu bimbang.
- 3.6 Berhubung dengan cadangan projek pembangunan semula tanah Kerajaan, khasnya milik Kementerian Pendidikan Malaysia, di Bangsar, Kuala Lumpur, Pengerusi memaklumkan dari segi teknikal, Kopsetia telahpun mendapat persetujuan bertulis daripada YAB Perdana Menteri yang disampaikan kepada Ketua Setiausaha Negara. Adalah difahamkan bahawa pihak yang berkenaan sedang menyediakan Kertas Memorandum Jemaah Menteri. Sungguhpun kemajuannya boleh dianggap pada tahap 1% yang terakhir, ini tidak boleh diertikan apa-apa kerana hakikatnya masih belum ada keputusan yang dibuat oleh Kerajaan.
- 3.7 Pengerusi seterusnya memaklumkan bahawa Bank Rakyat telah menawarkan kepada Kopsetia untuk menjalankan perniagaan pajak gadai Ar-Rahnu. Kopsetia telah menerima maklum balas daripada

3.8 pihak-pihak tertentu yang mempunyai pengalaman dalam bidang perniagaan tersebut dan mendapati terdapat pandangan positif dan juga pandangan negatif terhadap prospeknya. Pengurusan akan menjemput pihak Bank Rakyat untuk satu sesi taklimat dan ini akan disusuli dengan kajian yang terperinci oleh ALK.

3.9 Sebagai pengakhir kata, Pengerusi merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua anggota Kopsetia yang hadir dan mengharapkan mereka terus memberi sokongan dan sumbangan idea bagi memastikan projek dan program Kopsetia berjalan lancar.

4. **Agenda 4 - Pembentangan Minit Mesyuarat Agung Tahunan ke 21**

4.1 Setiausaha Koperasi membentangkan Minit Mesyuarat Agung Kopsetia ke 21 terkandung dalam Laporan Tahunan 2015 yang telah diedarkan lebih awal tanpa sebarang pindaan. Ianya telah ditentukan oleh Jawatankuasa yang dilantik oleh Mesyuarat Agung pada tahun lepas.

4.2 Atas cadangan oleh Dato' Yahya bin Hj. Awang dan disokong oleh Dato' Pahamin A.Rajab, Minit Mesyuarat Agung ke 21 telah diterima sebulat suara oleh Mesyuarat.

4.3 Saranan dan pandangan seperti tercatat dalam Minit tersebut akan dibincang dan dibentangkan dalam Laporan Anggota Lembaga Koperasi bagi tahun 2015 yang juga dibentangkan dalam Laporan Tahunan 2015.

5. **Agenda 5 - Laporan Anggota Lembaga Kopsetia Bagi Tahun 2015**

Pembentangan telah dibuat oleh Setiausaha Koperasi yang antara lain telah menyentuh mengenai perkara-perkara berikut:

5.1 **Pembangunan Hartanah**

Berhubung dengan cadangan pembangunan hartanah di Bangsar, Kopsetia telah mengambil semua tindakan yang diperlukan dan telahpun mendapat persetujuan dari YAB Perdana Menteri. Walaupun tinggal beberapa langkah lagi yang perlu diambil, kemajuan seterusnya adalah di luar kawalan Kopsetia sebaliknya bergantung kepada tindakan pihak-pihak berkuasa yang berkaitan.

Berhubung dengan cadangan untuk membangunkan sebidang tanah di Sungai Buloh, Selangor, tinjauan awal mendapati persaingan pasaran tempat kediaman di kawasan tersebut terlalu sengit. Atas faktor ini, cadangan ini perlu ditangguhkan.

5.2 Tanah Pertanian Di Selandar, Melaka

Mesyuarat dimaklumkan bahawa pajakan tanah pertanian di Selandar, Melaka terus memberi pulangan yang baik kepada Kopsetia.

5.3 Komposisi Anggota Lembaga Koperasi

Setiausaha memaklumkan perbincangan telah diadakan pada 15 September 2015 dengan pihak Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), Cawangan Wilayah Persekutuan berhubung dengan isu komposisi ALK yang dikatakan tidak bertepatan dengan peraturan yang berkuatkuasa, iaitu 2/3 ALK hendaklah terdiri daripada pegawai yang masih berkhidmat. SKM telah membenarkan kedudukan komposisi ALK sedia ada sementara pihaknya akan melihat semula keperluan peraturan ini. Memandangkan wakil SKM tidak dapat hadir pada mesyuarat ini, beliau tidak dapat memberi tahu apa-apa perkembangan dan sebaliknya akan menghubungi SKM untuk mendapat maklum balas.

5.4 Pelaburan Saham Dalam Bank Rakyat

Kopsetia telah mengadakan perbincangan dengan pihak Bank Rakyat untuk menambah pegangan saham yang pada masa ini berjumlah RM150,000. Adalah didapati bahawa jumlah tersebut sebenarnya telahpun melebihi tahap biasa iaitu RM100,000 sahaja. Dengan demikian, Bank Rakyat tidak dapat memberi pertimbangan ke atas permintaan untuk menambah pegangan saham Kopsetia.

5.5 Pelaburan Dalam Pasaran Saham Siarharga

Mesyuarat dimaklumkan bahawa Kopsetia belum bersedia untuk melanggan mana-mana kaunter dalam sektor REITs (Real Estate Investment Trusts).

5.6 Saham Johor Land dan Limahsoon

Berhubung dengan saham Johor Land dan Limahsoon, keduanya telah dinyahsenarai di Bursa Malaysia. Kopsetia telah menyerahkan kedua kes ini kepada pihak peguam Kopsetia. Pihak pengurusan akan memaklumkan kedudukan perkara ini kepada anggota-anggota yang telah membeli kedua-dua saham berkenaan.

5.7 Rumah Kedai di Pandan Indah

Mesyuarat dimaklumkan bahawa kadar sewa rumah kedai tersebut telah dinaikkan dari RM2,550 kepada RM2,800 sebulan berkuatkuasa 1 Mei 2016.

5.8 Cadangan Perniagaan Ar-Rahnu

Mesyuarat dimaklumkan bahawa cadangan perniagaan Ar-Rahnu tersebut masih di peringkat awal. Maklumat yang lebih lanjut akan diperolehi setelah sesi taklimat diadakan dengan pihak Bank Rakyat.

5.9 Mengemaskini Data Anggota

Mesyuarat dimaklumkan bahawa pada masa ini Kopsetia mempunyai 309 anggota. Baru-baru ini terdapat dua (2) anggota yang memohon berhenti dan seorang telah meninggal dunia. Kopsetia telah dan akan memulangkan pelaburan mereka/waris yang berkenaan. Walau bagaimanapun, kedudukan kewangan Kopsetia tidak susut kerana Kopsetia mengamalkan dasar untuk menjual saham mereka yang berkenaan kepada anggota-anggota lain yang berminat untuk membelinya.

Setiausaha meminta kerjasama dari semua anggota khususnya yang sedang berkhidmat untuk menggalakkan penyertaan anggota-anggota muda.

5.10 Ulasan dan Pandangan Mesyuarat Agung

Pembentangan Laporan Anggota Lembaga Kopsetia bagi tahun 2015 telah diterima dan diluluskan sebulat suara. Bagaimana pun, memandangkan ramai anggota yang hadir menunjukkan minat untuk mengetahui lebih lanjut mengenai cadangan projek pembangunan di Bangsar dan cadangan perniagaan Ar-Rahnu tersebut, Mesyuarat bersetuju :

- (i) dengan saranan Pengerusi supaya, sekiranya projek pembangunan di Bangsar diluluskan, Mesyuarat Agung Luar Biasa akan diadakan; dan
- (ii) bagi cadangan perniagaan Ar-Rahnu, beberapa anggota akan dijemput sama menghadiri sesi taklimat dengan pihak Bank Rakyat kelak.

Lembaga Koperasi mengambil maklum persetujuan-persetujuan tersebut dan akan mengambil tindakan susulan.

6. Agenda 6 - Menimbang dan Meluluskan Laporan Jawatankuasa Audit Dalaman (JAD)

- 6.1 Bendahari membentangkan Laporan Berkanun Jawatankuasa Audit Dalaman Koperasi seperti terkandung dalam Laporan Tahunan 2015 pada muka surat 22 – 23.
- 6.2 Mesyuarat dengan sebulat suara menerima Laporan tersebut.

7. **Agenda 7 - Menimbang dan Meluluskan Penyata Kewangan Teraudit KSMB Untuk Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2015**

7.1 Bendahari membentangkan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Untuk Tahun Berakhir 31 Disember 2015 dan menjelaskan secara terperinci perkara-perkara berikut:

(a) Kunci Kira-Kira Pada 31 Disember 2015, Penyata Pembahagian Keuntungan, Akaun Untung Rugi, Penyata Aliran Tunai Disember 2015 (muka surat 3 – 6); dan

(b) Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan (muka surat 7-15).

7.2 Berhubung dengan pertanyaan Datuk Dr Ghazali Mohd Noor mengenai “Saguhati Pengurus” sebanyak RM15,000, Bendahari menjelaskan bahawa bayaran tersebut dibuat kepada mantan Pengurus Koperasi, En. Mohd Noor Azam bin Haji Mohd Zain yang telah meletak jawatan pada bulan Mei 2015. Bayaran tersebut merupakan baki 50%. Bayaran 50% ansuran pertama telah dibayar pada Disember 2015 dan dengan itu tidak termasuk dalam akaun 2015.

7.3 Mesyuarat bersetuju sebulat suara menerima dan meluluskan Penyata Kewangan Teraudit Koperasi Setia (M) Bhd bagi tahun berakhir 31 Disember 2015 seperti yang dibentangkan oleh Bendahari.

8. **Agenda 8 - Menimbang dan Meluluskan Anggaran Belanjawan Pendapatan dan Perbelanjaan Tahunan Bagi Tahun 2017**

8.1 Bendahari telah membentangkan Anggaran Belanjawan Pendapatan dan Perbelanjaan Kopsetia bagi tahun 2017 seperti di dalam Laporan Tahunan 2015.

8.2 Tan Sri Dato' Hj. Ambrin bin Buang dan Datuk Paduka Hajah Kalsom bt Abdul Rahman telah membangkitkan keperluan untuk menyediakan sejumlah peruntukan bagi menampung perbelanjaan awalan projek hartanah di Bangsar yang tadi dilaporkan pada peringkat akhir. Anggaran ini wajar mengambil kira penilaian terkini tanah tersebut yang mungkin bertambah tinggi.

8.3 Pengerusi seterusnya menjelaskan bahawa pelaksanaan projek ini adalah melalui kaedah usahasama di mana Kopsetia meneruskan usaha bagi mendapatkan kelulusan bagi membangunkan semula tanah tersebut dengan rakan kongsi yang boleh dipersetujui oleh Kerajaan, khasnya Kementerian Pendidikan yang diberi hak memiliki tanah tersebut. Kopsetia telah beberapa kali bermesyuarat dengan pihak berkuasa, termasuk dengan Ketua Setiausaha Negara yang memahami bahawa Kopsetia memerlukan satu rakan kongsi yang berwibawa. Pihak peguam

kedua-dua pihak, Koperasi dan pihak rakan kongsi, telah pun beberapa kali berunding dan menyiapkan *Shareholders Agreement*. Juga difikirkan satu rangka konsesi akan dirunding untuk menetapkan terma perkongsian keuntungan.

9. **Agenda 9 - Meluluskan Elaun Kepada ALK dan Saraan kepada ALK yang dilantikmenduduki mana-mana anak-anak syarikat Kopsetia, sekiranya ada**

9.1 Mesyuarat dimaklumkan oleh Bendahari bahawa elaun-elaun kepada ALK, JAD dan Jawatankuasa Menentusahkan Minit Mesyuarat Agung Tahunan pada masa

lalu telah ditetapkan sebanyak RM200.00 seorang bagi setiap kali mesyuarat diadakan, dibayar hanya kepada Anggota yang menghadiri mesyuarat itu sahaja.

9.2 Mesyuarat telah sebulat suara bersetuju mengekalkan dan meluluskan elaun-elaun seperti yang dimaklumkan oleh Bendahari.

10. **Agenda 10 - Meluluskan Satu Panel Yang Terdiri Daripada Tidak Kurang Daripada Dua Firma Audit Untuk Dipilih Salah Satu Daripadanya Bagi Mengaudit Akaun-akaun Koperasi**

10.1 Mesyuarat dimaklumkan terdapat dua firma audit yang di cadangkan untuk dipilih salah satu daripadanya oleh Mesyuarat ini:

- a. Azman Ahmad & Co; dan
- b. Mustaffa Mohamad Nor & Associates.

10.2 Mesyuarat sebulat suara bersetuju supaya Lembaga Koperasi diberi mandat untuk memilih salah satu firma audit luar tersebut yang dipercayai dapat menjalankan auditan dengan sempurna.

11. **Agenda 11 - Menimbang dan Meluluskan Ruang Lingkup Dan Had Pelaburan yang dibiayai oleh Wang Lebihan Koperasi**

11.1 Anggota yang hadir bersetuju sebulat suara meluluskan skop dan had pelaburan yang sedia ada bersandarkan kepada kemampuan Koperasi dan penetapan Had Maksimum Keterhutangan Koperasi juga daripada Keuntungan Terkumpul Kewangan Koperasi.

12. **Agenda 12 - Menetapkan Had Maksimum Keterhutangan Koperasi ini**

12.1 Mesyuarat telah bersetuju sebulat suara untuk mengekalkan Had Maksimum Keterhutangan Koperasi ini seperti tahun lepas sebanyak RM20 juta tanpa pindaan.

13. **Agenda 13 - Mengisytiharkan atau Menerbitkan Syer-syer Bonus**

13.1 Bendahari memaklumkan bahawa kedudukan kewangan Koperasi pada kewangan berakhir 31 Disember 2015 tidak memberangsangkan. Oleh yang demikian, tiada cadangan untuk mengisytihar atau menerbitkan syer bonus pada Mesyuarat Agung Tahunan ini.

13.2 Mesyuarat telah bersetuju sebulat suara atas cadangan Bendahari tersebut.

14. **Agenda 14 – Menimbang Cadangan Membayar Dividen Kepada Semua Anggota Yang Layak, jika ada**

14.1 Bendahari mengemukakan cadangan untuk membayar dividen sebanyak 5% kepada semua anggota yang layak. Bayaran dividen pada kadar 5% ini adalah berjumlah RM32,184.65 dan dicadangkan dimasukkan dalam modal syer anggota.

14.2 Mesyuarat telah bersetuju sebulat suara atas cadangan-cadangan Bendahari tersebut.

15. **Agenda 15 - Mendengar, Menimbang Atau Memutuskan Apa-apa Cadangan Atau Urusan Perniagaan Lain Koperasi Yang Baginya Suatu Notis Tidak Kurang Daripada Tujuh Hari Telah Diberikan**

15.1 Mesyuarat dimaklumkan bahawa tiada notis diterima untuk diputuskan bagi agenda di atas.

16. **Agenda 16 - Menimbang dan Meluluskan Apa-apa Cadangan Pindaan Kepada Undang-Undang Kecil Koperasi**

16.1 Mesyuarat memaklumkan bahawa tiada cadangan pindaan diterima untuk meminda Undang-Undang Kecil Koperasi.

17. **Agenda 17 - Mendengar dan Memutuskan Apa-apa Aduan Yang Baginya Suatu Notis Yang Tidak Kurang Dari Tujuh Hari Sebelum Mesyuarat Agung Diberikan Oleh Mana-mana Anggota Yang Tidak Berpuas Hati Atas Mana-mana Keputusan Yang Dibuat Oleh Lembaga**

17.1 Mesyuarat dimaklumkan bahawa tiada aduan dan notis diterima untuk diputuskan bagi agenda di atas.

18. **Agenda 18 – Hal-hal Lain**

18.1 Tiada perkara dibangkitkan bagi Agenda di atas.

19. **Agenda 19 - Memilih Tiga (3) Orang ALK bagi menggantikan mereka yang tamat tempoh perkhidmatan pada tahun 2016 mengikut Undang-Undang Kecil Koperasi, Peraturan 36**

19.1 Pengerusi memaklumkan bahawa ALK yang tamat tempoh perkhidmatan dalam tahun 2016 tetapi boleh dilantik semula ialah:

- (i) Tan Sri Datuk Dr Johari bin Mat;
- (ii) Tan Sri Dato' Zainol Abidin bin Abdul Rashid; dan
- (iii) Encik Muhammad Amir bin Haron

19.2 Mesyuarat telah sebulat suara bersetuju mengekalkan perlantikan Anggota – Anggota (i) dan (ii) di atas sebagai ALK serta cadangan Dr Kang Tong Hum untuk menggantikan Anggota (iii) dengan Encik John Patrick Antonysamy.

20. **Penutup**

20.1 Pengerusi Mesyuarat mewakili ALK mengucapkan terima kasih kepada semua anggota yang hadir atas sokongan dan kerjasama yang diberikan.

20.2 Beliau seterusnya memaklumkan bahawa Mesyuarat ALK kali pertama penggal 2016/2017 akan diadakan sebaik sahaja selesai Mesyuarat Agung ini.

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 10.50 malam.

-----o0o-----

**PENGESAHAN MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KEDUA PULUH DUA
KOPERASI SETIA MALAYSIA BERHAD**

Kami, Anggota Jawatankuasa Menentusahkan Minit Mesyuarat Agung Tahunan Kedua Puluh Dua, Koperasi Setia Malaysia Berhad, telah menyemak dan meneliti Minit-minit di atas, maka dengan ini mengesahkan bahawa ianya adalah refleksi kepada perjalanan dan perbincangan Mesyuarat tersebut yang telah di adakan pada 26 Ogos 2016, jam 8.30 malam bertempat di Bilik Seminar, Bangunan Persatuan Alumini Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

.....
.....
**TAN SRI DATO' ZAINOL ABIDIN BIN
BIN**

ABD. RASHID (119)
Anggota Lembaga Koperasi

DATUK WIRA HAJI JAHAYA

MAT (187)
Anggota Lembaga Koperasi

.....
.....
DR. KANG TONG HUM (120)
Anggota Lembaga Koperasi

**HAJJAH NOORAINI BINTI
HJ. MOHD NOORDIN (110)**
Anggota Lembaga Koperasi

.....
.....
HAJI NIK MOHAMAD BIN NIK DAUD (262)
BAKRI (60)

Anggota

DATO HAJI ABDULLAH

Anggota

.....
.....
DATO' DR. MOHD ZIN BIN MOHAMED (114)

Anggota

DATO' YAHYA BIN AWANG
(332)

Anggota

.....
.....
HAJI SHAARI BIN MAT ISA (224)

Anggota

DATUK DR. JOHN ANTONY XAVIER
(248)

Anggota

LAMPIRAN 1

SENARAI KEHADIRAN MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE 22

Bil.	No. Anggota	Nama
1	3	Tan Sri Datuk Dr. Johari Bin Mat
2	132	Haji Muhammad Bin Abdul Latiff
3	63	Encik Lee Kiyau Loo
4	120	Dr. Kang Tong Hum
5	119	Tan Sri Dato' Zainol Abidin Bin Abd Rashid
6	187	Datuk Wira Hj. Jahaya Bin Mat
7	110	Hajjah Nooraine Binti Hj. Mohd Noordin
8	157	Dato' Haji Abdul Wahab bin Adam
9	60	Dato' Hj. Abdullah bin Haji Bakri
10	38	Haji Abas bin Ahmad
11	162	Encik Zainuddin bin Ahmad
12	126	Tan Sri Dato' Hj. Ambrin Bin Buang
13	113	Tan Sri Dr. Zulkurnain Bin Haji Awang
14	262	Encik Nik Mohamed bin Nik Daud
15	78	Dato' Hj Abdullah Hj Mohd Salleh
16	250	Encik Augustine Koh
17	100	Dato' Hj Ayob bin Awang
18	282	Encik Wan Mustapha bin Wan Latif
19	18	Datin Hjh Aminah Pit Abd Rahman
20	332	Dato' Yahya bin Haji Awang
21	224	Hj. Shaari Bin Mat Isa
22	70	Dato' Pahamin bin Abd. Rajab
23	248	Datuk Dr. John Antony Xavier
24	335	Datuk Dr. Ghazali Mohd Noor
25	217	Datuk Hj. Wan Awang Bin Wan Yaacob
26	223	Dato' Chong Huck Joo
27	348	Encik John Patrick Antonysamy
28	102	Dato' Rohaini bt Mohd Yusof

29	249	Kamsiah Muhamad
30	163	Raja Yacob Raja Abdullah
31	72	Yip Seong Chee
32	114	Dato' Dr Mohamed Zin Mohamed
33	245	Datuk Paduka Hjh Kalsom bt Abdul Rahman